



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

# AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT *MAQĀṢID* *SYARIĀH*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT  
*MAQĀṢID SYARĪ‘AH***

**MOHD YUSRI BIN IBRAHIM**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK  
MEMPEROLEHI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2023**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

## INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

## PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) 5 (bulan) 2023.

## i. Perakuan pelajar:

Saya, MOHD YUSRI BIN IBRAHIM, P20142001481, FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT MAQASID SYARIAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Yusri

Tandatangan pelajar

## ii. Perakuan Penyelia:

Saya, PROFESOR MADYA DR. ZANARIAH BT NOOR (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT MAQASID SYARIAH

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah DOKTOR FALSAFAH (SYARIAH) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

1/6/2023

Tarikh

Tandatangan Penyelia

PROFESSOR MADYA DR. ZANARIAH BT NOOR  
Institut Pengajian SiswaZah  
Fakulti Sains Kemanusiaan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /  
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIESBORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK  
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title:

AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT  
MAQASID SYARIAH

No. Matrik / Matric's No.:

P20142001481

Saya / I:

MOHD YUSRI BIN IBRAHIM

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)\* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-  
*acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-*

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.  
*The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris*
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.  
*Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.*
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajaran Tinggi.  
*The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.*
4. Sila tandakan ( ✓ ) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick ( ✓ ) for category below:-

**SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

**TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat termasuk yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

**TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**Yusri

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

W.S.I.(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)  
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)PROF MARYA DE ZAHARAH MOIDEEN  
Juhurah Pengajian Islam  
Fakulti Sains dan Keguruan Islam  
Universiti Pendidikan Sultan IdrisTarikh: 1/6/2023

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkewasa/organisasii berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan. Ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis Is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.





## PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan izin-Nya tesis ini berjaya disiapkan. Dalam usaha menyiapkan tesis ini, pengkaji telah mendapat bantuan daripada individu-individu berikut; Prof Madya Dr Zanariah Noor, selaku penyelia kajian; para pegawai di Pejabat Menteri Besar Kelantan; Pejabat Wakil Rakyat DUN Titi Serong; Pejabat IKRAM Kelantan dan IKRAM Taiping, Perak; para pensyarah Fakulti Sains Kemanusiaan UPSI terutamanya Prof Madya Dr Mohd Noor Daud yang telah memberikan banyak pandangan dan tunjuk ajar, Sahibus Samahah Dato' Dr Anhar Haji Opir yang memberikan info dan maklumat, pensyarah USIM, rakan-rakan sepengajian yang banyak memberikan bantuan dan semangat; tidak lupa juga ibu, Thaharah binti Omar, isteri, Norazlina Yaacob yang sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini dan juga anak-anak.





## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis amalan toleransi beragama di Malaysia dengan memfokuskan kepada pendapat ulama fiqh silam dan sarjana kontemporari berkaitan amalan toleransi beragama serta kedudukannya dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah*. Objektif kajian ini ialah menganalisis amalan toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia yang menepati roh *maqāṣid syarī‘ah* khususnya berkaitan dengan peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan, undang-undang serta dasar-dasar negara yang dilaksanakan di Malaysia. Selain itu, objektif kajian ini juga adalah menganalisis kesan positif dan negatif amalan toleransi beragama yang telah dilaksanakan di Malaysia melalui penelitian terhadap amalan masyarakat, undang-undang serta dasar-dasar negara. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis kandungan terhadap pendapat fuqaha dalam kitab-kitab *fiqh turāth* serta pandangan sarjana kontemporari dan peruntukan undang-undang dalam Perlembagaan Persekutuan, akta/enakmen serta buku-buku yang berkaitan. Selain itu, kaedah temu bual juga dijalankan bagi mendapatkan pandangan dari pihak-pihak yang terlibat dengan pelaksanaan dasar-dasar negara yang dilaksanakan bagi memenuhi *maqāṣid syarī‘ah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang membuka ruang kepada amalan tolerasi beragama yang menepati roh *maqāṣid syarī‘ah*. Begitu juga, terdapat dasar-dasar negara yang membabitkan politik, pentadbiran serta kebebasan beragama dalam batasan tertentu yang dilaksanakan di Malaysia adalah selaras dengan prinsip *maqāṣid syarī‘ah*. Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa Malaysia berjaya menjadikan amalan toleransi beragama sebagai medium penyatuan dalam kalangan rakyatnya. Namun begitu, pelaksanaan toleransi tanpa batasan seperti penyerapan idea-idea liberal seperti pluralisme menunjukkan amalan tolerasi beragama ini perlu dikawal agar tidak melangkaui batasan kerangka *maqāṣid syarī‘ah*. Implikasi kajian menunjukkan bahawa masyarakat dan kerajaan perlu mengambil pendekatan yang bijaksana bagi merealisasikan perpaduan antara kaum melalui amalan toleransi agama yang menepati kerangka *maqāṣid syarī‘ah* dan peruntukan Perlembagaan Persekutuan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang aman dan damai.





## THE RELIGIOUS TOLERANCE PRACTICE IN MALAYSIA ACCORDING TO THE *MAQĀSID SYARĪ ‘AH*

### ABSTRACT

This study aims to analyse the practice of religious tolerance in Malaysia focusing on the opinions of jurists and contemporary scholars regarding the practice of religious tolerance and its position within the framework of *maqāsid syarī‘ah*. The objective of this study is to analyse religious tolerance as practised in Malaysia that is in line with the spirit of *maqāsid syarī‘ah*, especially concerning provisions in the Federal Constitution, laws as well as national policies that have been implemented in Malaysia. Apart from that, the objective of this study is also to analyse the positive and negative effects of religious tolerance in Malaysia as practised by communities and also as implemented by law and national policies. This study utilises a qualitative approach through the method of content analysis of the jurists' opinions in the classical jurisprudence books, views of contemporary scholars as well as legal provisions in the Federal Constitution, statutes and related books. In addition, the interview method was also conducted to obtain views from parties involved in the implementation of national policies that are related to the *maqāsid syarī‘ah*. The findings of the study indicate that there are several provisions in the Federal Constitution that open up space for the practice of religious tolerance that conforms to the framework of *maqāsid syarī‘ah*. There are also national policies concerning politics, administration, as well as freedom of religion with certain restrictions that are allowed in Malaysia are in fact in line with the principle of *maqāsid syarī‘ah*. To conclude, this study indicates that Malaysia had accomplished unifying the people *via* the practice of religious tolerance. Yet, the implementation of religious tolerance without limitation such as the absorption of liberal ideas among Malaysian societies should be restricted so that it would not transgress the principle of *maqāsid syarī‘ah*. The implication of the study indicates that society and government need to take a prudent approach to realize inter-racial unity through the practice of religious tolerance that is in line with *maqāsid syarī‘ah* and law provisions in the Federal Constitution to realise Malaysia as a peaceful and harmonious country.





## KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b>ABSTRACT</b>	vi
<b>KANDUNGAN</b>	vii



<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI TRANSLITERASI</b>	xviii
<b>SENARAI STATUT</b>	xx
<b>SENARAI KES</b>	xxxi
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.3 Sorotan Literatur	6
1.3.1 Konsep <i>Maqāsid Syarī ‘ah</i> Menurut Pandangan Ulama	7
1.3.2 Toleransi Beragama Menurut Pandangan Islam	15





1.3.3 Toleransi Beragama serta Pelaksanaannya Pada Masa Kini di Malaysia	19
1.4 Permasalahan Kajian	24
1.4.1 Amalan Toleransi Beragama Melampau di Malaysia	24
1.4.2 Pengabaian Amalan Toleransi Beragama di Malaysia	26
1.4.3 Pandangan Kritis Mengenai Amalan Toleransi Beragama di Malaysia	29
1.5 Objektif	31
1.6 Persoalan Kajian	31
1.7 Kepentingan Kajian	32
1.8 Batasan Kajian	32
1.9 Metodologi Kajian	36
1.9.1 Reka Bentuk Kajian	36
1.9.2 Prosedur Pengumpulan Data	36
1.9.2.1 Perpustakaan dan Laman Sesawang	36
1.9.2.2 Temu bual	38
1.9.2.3 Dokumentasi	39
1.9.3 Prosedur Analisis Data	40
1.9.3.1 Kaedah Deduktif	40
1.9.3.2 Kaedah Induktif	40
1.9.3.3 Kaedah Perbandingan	41
1.10 Rumusan	42





## BAB 2 KONSEP *MAQĀṢID SYARI‘AH* MENGIKUT PANDANGAN ULAMA

2.1 Pendahuluan	43
2.2 Definisi <i>Maqāṣid Syari‘ah</i>	44
2.2.1 Bahasa	44
2.2.2 <i>Maqāṣid Syari‘ah</i> Menurut Ulama Usul-Fiqh	49
2.3 Istilah-Istilah Berkaitan <i>Maqāṣid Syari‘ah</i>	54
2.3.1 <i>Al-Hikmah</i> (الحكمة)	55
2.3.2 <i>Al-‘illah</i> (العلة)	57
2.3.3 <i>Al-Maslahah</i> (المصلحة)	60
2.3.4 <i>Al-Ma’nā</i> atau <i>Al-Ma’ani</i> (المعنى او المعانی)	66
2.3.5 <i>Al-Munāsabah</i> (المناسبة)	66
2.4 Kaedah-Kaedah Mengenal Pasti <i>Maqāṣid Syari‘ah</i>	67
2.4.1 Kaedah Penilaian Secara Komprehensif	68
2.4.2 Kaedah Penilaian Terhadap ‘illah al-Hukm	69
2.4.3 Kaedah Penilaian Terhadap Arahan atau Larangan Allah S.W.T	69
2.5 Pengkelasan <i>Maqāṣid Syari‘ah</i> Mengikut Keutamaan	70
2.5.1 Keutamaan Berdasarkan <i>Āmmah</i> , <i>Khaṣṣah</i> dan <i>Juz ‘iyyah</i>	70
2.5.1.1 <i>Maqāṣid ‘Āmmah</i>	71
2.5.1.2 <i>Maqāṣid Khaṣṣah</i>	72
2.5.1.3 <i>Maqāṣid Juz ‘iyyah</i>	73
2.5.2 Keutamaan Berdasarkan Keperluan	74
2.5.2.1 <i>Maslahah Darūriyyah</i>	74





2.5.2.2 <i>Maṣlahah Hājiyah</i>	77
2.5.2.3 <i>Maṣlahah Tahsīniyyah</i>	80
2.5.3 Keutamaan Berdasarkan <i>Maṣlahah</i> yang Perlu Dipelihara	81
2.5.3.1 <i>Maqāṣid Aṣliyyah</i>	82
2.5.3.2 <i>Maqāṣid Tabi‘iyyah</i>	83
2.5.4 Keutamaan Berdasarkan Dalil	85
2.5.4.1 <i>Maqāṣid qatī</i>	85
2.5.4.2 <i>Maqāṣid zannīyyah</i>	86
2.5.5 Keutamaan Berdasarkan Fakta dan Pertimbangan	87
2.5.5.1 <i>Maqāṣid Haqīqah</i> (Fakta)	87
2.5.5.2 <i>Maqāṣid I‘tibār</i> (Pertimbangan)	88
2.5.5.3 <i>Maqāṣid ‘Urfiyyah āmmah</i> (Pengalaman)	89
2.5.5.4 <i>Maqāṣid ‘Urfiyah Khassah</i>	89
2.5.6 Keutamaan Berdasarkan Masyarakat atau Individu	91
2.5.6.1 <i>Maqāṣid Kulliyah</i>	91
2.5.6.2 <i>Maqāṣid Juz’iyyah</i>	92
2.5.6.3 <i>Maqāṣid Aghlabiyyah</i>	92
2.5.7 Keutamaan Berdasarkan Situasi	93
2.5.7.1 <i>Maqāṣid Dunyawiah</i>	93
2.5.7.2 <i>Maqāṣid Ukhrawiyyah</i>	93
2.6 Rumusan	94





## BAB 3 TOLERANSI BERAGAMA MENURUT PANDANGAN ISLAM

3.1 Pendahuluan	95
3.2 Pengertian Toleransi	96
3.2.1 Bahasa	96
3.2.2 Istilah	97
3.3 Istilah-Istilah Berkaitan Toleransi Beragama	101
3.3.1 Kebebasan Beragama	101
3.3.2 Konsep Keadilan	105
3.3.3 Konsep Hak	106
3.3.4 Fanatik	108
3.3.5 Ekstremisme	111
3.3.6 Pluralisme	115
3.4 Prinsip Toleransi Beragama Mengikut Al-Quran dan Al-Sunnah	117
3.4.1 Al-Quran	117
3.4.1.1 Tidak Menggunakan Prinsip Paksaan	117
3.4.1.2 Sabar Ketika Menghadapi Penentangan	119
3.4.1.3 Melayani Manusia Secara Rahmah	120
3.4.2 Al-Sunnah	122
3.4.2.1 Memberi Kemudahan Dalam Urusan Sesama Manusia	122
3.4.2.2 Bersifat Rahmah Dalam Interaksi Seharian	124
3.4.2.3 Memuliakan Sesama Manusia	125
3.5 Toleransi Beragama Mengikut Pandangan Ulama Islam Kontemporari	127
3.6 Interaksi Antara Masyarakat Islam dan Bukan Islam Mengikut Perspektif Islam	134





3.7	Nilai-Nilai Toleransi Beragama dalam Islam	146
3.8	Amalan Toleransi Beragama Berdasarkan <i>Sirah</i>	150
3.9	Batasan Toleransi dalam Islam	155
	3.9.1 Batasan Toleransi Beragama bagi Menjaga Akidah	155
	3.9.2 Batasan Toleransi Beragama dalam Interaksi Seharian	160
3.10	Rumusan	164

#### **BAB 4 AMALAN TOLERANSI BERAGAMA DI MALAYSIA MENURUT *MAQĀSID SYARI‘AH***

4.1	Pendahuluan	166
4.2	Latar Belakang Masyarakat Malaysia	167
	4.2.1 Komposisi Etnik dalam Masyarakat Malaysia	169
	4.2.2 Agama-Agama di Malaysia	172
4.3	<i>Maqāṣid Syarī‘ah</i> dalam Ruh Pemerintahan Negara Malaysia	173
4.4	Elemen <i>Maqāṣid Syarī‘ah</i> dalam Perlembagaan Persekutuan bagi Menjaga Maṣlahah <i>Darūriyyah</i> Masyarakat Malaysia	180
	4.4.1 <i>Maṣlahah</i> Penjagaan Agama	181
	4.4.2 <i>Maṣlahah</i> Penjagaan Nyawa	198
	4.4.3 <i>Maṣlahah</i> Penjagaan Akal	209
	4.4.4 <i>Maṣlahah</i> Penjagaan Keturunan	215
	4.4.5 <i>Maṣlahah</i> Penjagaan Harta	228
4.5	Elemen Toleransi Beragama dalam Sistem Politik Malaysia	235
	4.5.1 <i>Tahāluf Siyāsī</i> ( تحالف سياسي )	239
	4.5.2 <i>Ta’awun Siyāsī</i> ( تعاون سياسي )	246





4.6 Elemen Toleransi Beragama dalam Pelaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia	250
4.6.1 Rukun Negara	251
4.6.2 Dasar-Dasar Islam dalam Pentadbiran	255
4.6.3 Dasar Ekonomi	262
4.6.4 Dasar Pendidikan Kebangsaan	270
4.7 Elemen Toleransi Beragama dalam Amalan Sosial Masyarakat Malaysia	276
4.7.1 Dialog Harmoni Peradaban	276
4.7.2 Rumah Terbuka Perayaan	286
4.7.3 Perkahwinan Antara Etnik Berbeza (Silang Etnik)	291
4.8 Kesan Positif Amalan Toleransi Beragama	295
4.8.1 Perpaduan Antara Masyarakat Pelbagai Agama Melalui Semangat Patriotisme	295
4.8.2 Penyebaran Agama Islam dalam Kalangan Masyarakat Bukan Islam	298
4.8.3 Penglibatan Masyarakat Bukan Islam dalam Pentadbiran Negara	303
4.9 Kesan Negatif Amalan Toleransi Beragama Tanpa Sempadan	306
4.9.1 Penyerapan Idea-Idea Liberal dalam Masyarakat Malaysia	307
4.9.2 Konflik Dalam Isu-Isu Agama	319
4.9.2.1 Murtad	320
4.9.2.2 Halangan Pelaksanaan Undang-Undang Syariah di Malaysia	327
4.9.2.3 Konflik Penggunaan Kalimah Allah	336
4.10 Rumusan	344





## BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	346
5.2 Kesimpulan	347
5.2.1 Konsep <i>Maqāsid Syarī‘ah</i> Menurut Pandangan Ulama	347
5.2.2 Pandangan Ulama Fiqh dan Ilmuan Islam berkaitan Toleransi Beragama Menurut Pandangan Islam dalam Konteks Maqasid Syariah	348
5.2.3 <i>Maqasid Syariah</i> dalam Perlembagaan Persekutuan bagi Menjaga <i>Maṣlahah Darūriyyah</i> Masyarakat Malaysia	350
5.2.4 Elemen Toleransi Beragama dalam Sistem Politik Malaysia	351
5.2.5 Elemen Toleransi Beragama dalam Perlaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia	352
5.2.6 Elemen Toleransi Beragama dalam Interaksi Sosial Masyarakat Malaysia	354
5.2.7 Kesan Positif dan Negatif Amalan Toleransi Beragama	356
5.3 Cadangan	358
5.3.1 <i>Maqasid Syariah</i> dalam Perlembagaan Persekutuan bagi Menjaga <i>Maṣlahah Darūriyyah</i> Masyarakat Malaysia	359
5.3.2 Elemen Toleransi Beragama dalam Sistem Politik Malaysia	365
5.3.3 Elemen Toleransi Beragama dalam Perlaksanaan Dasar-Dasar Kerajaan Malaysia	373
5.3.4 Elemen Toleransi Beragama dalam Interaksi Sosial Masyarakat Malaysia	375
5.4 Rumusan	378
<b>RUJUKAN</b>	<b>380</b>





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

XV

## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
4.1 Perbandingan Jumlah Kerusi Parlimen Mengikut Parti. Diadaptasi dari Bernama (2018)	243
4.2 Permohonan Murtad dari Tahun 2000-2010 (Sumber: Malaysiakini)	320



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI SINGKATAN

a.s	<i>Alahissalam</i>
Amanah	Parti Amanah Negara
Bil	Bilangan
BN	Barisan Nasional
DAP	Parti Tindakan Demokratik
ed	Editor
et.al.,	et.alia
h	hijrah
h	halaman
ibid	ibidem
IKIM	Institut Kefahaman Islam Malaysia
ipt	Institut Pengajian Tinggi
jil	jilid
JPM	Jabatan Perdana Menteri
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
kdymm	Ke bawah Duli yang Maha Mulia
m	masih
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MCA	Malaysia Chinese Association
MIC	Malaysian Indian Congress
NGO	Badan Bukan Kerajaan
no	nombor





Op.cit	Opera citato
PAS	Parti Islam SeMalaysia
PH	Pakatan Harapan
PKR	Parti Keadilan Rakyat
PPBM	Parti Peribumi Bersatu Malaysia
Pnyt	Penyunting
r.a	<i>Rādhi allāh uñ/Rādhi allāh uñhā</i>
s.a. w	<i>Sallallāhū ‘Ālahī Wasalam</i>
s.w.t	<i>Subhānāhū Wata’ālā</i>
t.t	Tanpa tarikh
Terj	Terjemahan
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malays National Organization
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
YDP	Yang Dipertua





## SENARAI TRANSLITERASI

Konsonan			
	Nama dan transkripsi	Huruf Arab	Nama dan transkripsi
ء	Alif :a, (hamzah)	ء	Tā: t
ب	Bā:b	ٻ	Zā: z
ت	Tā: t	ڻ	'ayn: '
ٿ	Thā: th	ڙ	Ghayn: gh
ڏ	Jīm: j	ڏ	Fā: f
ح	Hā: h	ڇ	Qāf: q
خ	Khā: kh	ڦ	Kāf: k
د	Dāl: d	ڏ	Lām: l
ڏ	Dhāl: dh	ڙ	Mīm: m
ر	Rā: r	ڻ	Nūn: n
ز	Zay: Z	ڙ	Wāw: w
س	Sīn: §	ڙ	Yā: y
ش	Syīn: sy	ڙ	Tā (marbūtah): h
ص	Sād: s	ڏ	Hā: h
ض	Dād: d		





Vokal			
Panjang		Pendek	
Huruf Arab	Nama dan transkripsi	Huruf Arab	Nama dan transkripsi
ا	ā	/	(Fathah): a
او	ū	ُ	( Dammah): u
اي	ī	/	(Kasrah): i

Diftong	
Huruf Arab	Nama dan transkripsi
أو	aw
أي	ay
ئي	iy
ئو	uww

Semua perkataan yang berasal daripada perkataan Arab tetapi telah menjadi sebutan lazim dalam Bahasa Malaysia adalah dieja mengikut ejaan Bahasa Malaysia.





## SENARAI STATUT

- Akta Anti Keganasan 2015.
- Akta Bahasa Kebangsaan.
- Akta Kanak-Kanak 2001.
- Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012.
- Akta Memperbaharui (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- Akta Pelajaran 1961.
- Akta Perhimpunan Aman 2012.
- Akta Polis 1967.
- Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1998.
- Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984.
- Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah II (Negeri Kelantan) 1993
- Enakmen Kesalahan Syariah ( Negeri Melaka) 1991.
- Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Kelantan 1994.
- Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Pengembangan di Kalangan Orang Islam) (Negeri Selangor) 1988.
- Enakmen Undang-Undang Jenayah Islam ( Negeri Sabah) 1995.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam Melaka 1991.
- Enakmen Undang-Undang Pentadbiran Islam Negeri Sembilan 1991.
- Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574).
- Perlembagaan Negeri Johor.
- Perlembagaan Negeri Kedah.
- Perlembagaan Negeri Kelantan
- Perlembagaan Negeri Melaka.
- Perlembagaan Negeri Pahang.
- Perlembagaan Negeri Perak.
- Perlembagaan Negeri Perlis.
- Perlembagaan Negeri Sabah.
- Perlembagaan Negeri Selangor.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xxi

Perlembagaan Negeri Sembilan.

Perlembagaan Negeri Terengganu.

Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Pulau Pinang.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## SENARAI KES

*Ahmad Arshad dan Seorang Lagi lwn. Mohd Jamal Mat Jamin dan Seorang Lagi.*  
[2005] JH 20(1)

*Daud bin Mamat & Ors lwn. Majlis Agama Islam Kelantan & Anor.*  
[2001] 2 MLJ 390

*Faridah Dato' Talib lwn. Mohammad Habibullah Mahmood.*  
[1993] 1 CLJ

*Ismail bin Ishak lwn. Kalam binti Mamat.*  
[1995] 10 JH 41

*Kamariah Ali & Ors lwn. Kerajaan Negeri Kelantan & Anor.*  
[2002] 3 MLJ 657

*Lina Joy lwn. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Ors.*  
[2005] 6 MLJ 193

*Menteri Dalam Negeri Malaysia & Anor lwn. Jamaluddin Othman.*  
[1989] 1MLJ 369



*Mohd Faisal bin Musa lwn. Menteri Dalam Negeri.*  
[2017] 11 MLJ 397

*Safae Ing lwn. Pendakwaraya.*

[2006] MLJ 698

*Sukma Darmawan Sasmitaat Madja lwn. Ketua Pengarah Penjara Malaysia & Anor.*  
[1999] 2 MLJ 241

*Tagong Tasi lwn. Kerajaan Negeri Selangor.*  
[2002] 2 MLJ 591

*Titular Roman Catholic Archbishop Kuala Lumpur lwn. Menteri Dalam Negeri & Anor.*  
[2010] 2 MLJ

*Titular Roman Catholic Archbishop of Kuala Lumpur lwn. Menteri Dalam Negeri & Ors.*  
[2014] 4 MLJ

*Wan Azmi lwn. Nik Salwani.*  
[1990] 9JH (2) 192





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENGENALAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pendahuluan

Toleransi beragama masih menjadi perkara *tabu* dalam dunia Islam kerana kaitannya dengan isu liberalisme dan pluralisme yang menjadi kontroversi dalam masyarakat Islam. *Maqāṣid syarī‘ah*, bermaksud objektif syariah yang ditetapkan untuk memberi manfaat kepada orang dengan menarik faedah (*maṣlahah*) atau menolak mudarat (keburukan) daripada individu. Justeru, semua syariat Islam terletak di bawah konsep jaminan *maṣlahah* untuk manusia bukan sahaja di dunia tetapi juga di akhirat.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Al- Raysūnī menyatakan *maqāṣid* adalah matlamat yang ingin dicapai apabila melakukan sesuatu. Antara istilah popular digunakan dalam menerangkan perkaitan ini ialah *maqāṣid syarī'ah*, *maqāṣid al-sharī'ah*, *maqāṣid al-syārī'yyah* dan *al-maqāṣid al-shār'i*.<sup>1</sup>

Al-Shāṭibī pula menyatakan bahawa *maqāṣid syarī'ah* mempunyai lima elemen asas, iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Semua elemen ini dikelaskan dari segi keperluan asas (*darūriyyah*), keperluan biasa (*hājiyyah*) dan pelengkap (*tahsīniyyah*).<sup>2</sup> Secara amnya, *maqāṣid syarī'ah* adalah matlamat syariah untuk kemaslahatan umat manusia.

Kefahaman mengenai *maqāṣid syarī'ah* mampu membantu para ulama fiqh untuk menyelesaikan masalah yang kompleks dan membantu individu dan masyarakat menyedari hikmah yang terkandung dalamnya perkara ini. Mereka yang memahami *maqāṣid syarī'ah* akan dapat mengembangkan potensi diri untuk mencapai toleransi yang ideal dengan mengekalkan keharmonian sosial, agama, dan etnik serta dapat mengekalkan kepercayaan mereka sendiri. Pemeliharaan akidah adalah aspek penting dalam amalan toleransi beragama.

Oleh itu, walaupun dalam al-Quran tidak menyatakan terdapat perkataan secara khusus tentang makna toleransi, tetapi terdapat banyak ayat al-Quran menjelaskan konsep dan batasan toleransi, termasuk ayat-ayat berikut:

<sup>1</sup> Al-Raysūnī, Ahmād (2013), *Nazāriyyah al-Maqāṣid 'ind al-Imām al-Shāṭibī*, Beirūt: Al-Ma'had al-'Alamī li al-Fikr al-Islāmī, 13.

<sup>2</sup> Al-Shāṭibī, Abū Ishaq (2001), *Al-Muwāfaqāt fī 'Uṣul al-Sharī'ah*. Jil. 2. Beirūt: Dār Ihyā al-Turāth al-'Arabi, 32-33.





Firman Allah S.W.T :

وَلَا إِنَّا عَابِدُ مَا عَبَدْتُمْ ﴿٤﴾ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ ﴿٥﴾ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِي دِينٌ ﴿٦﴾

Al-Kāfirun, (109): 4-6

Terjemahan: “Dan aku tidak akan beribadat secara kamu beribadat.“ Dan kamu pula tidak mahu beribadat secara aku beribadat.” “Bagi kamu agama kamu dan bagiku agamaku”<sup>3</sup>

Ayat 6 Surah *al-Kāfirun* di atas, menunjukkan perbeaan ketara mengenai makna dan konsep penyembahan dalam ibadah. Manakala, penyembahan dalam ayat ke 4 dan ayat 5 surah sama, adalah berkaitan dengan penyembahan orang bukan Islam. Ayat ke 6 Surah *al-Kāfirun* menafikan penyembahan berhala masa lalu dan masa depan bagi masyarakat Islam yang berbeza dengan konsep ibadah orang bukan Islam. Islam membawa makna pengabdian sejati.<sup>4</sup> Tafsiran ayat di atas menunjukkan bahawa masyarakat Islam dapat mengamalkan toleransi beragama berdasarkan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* dengan syarat tidak melanggar prinsip-prinsip akidah.

<sup>3</sup> Semua terjemahan al-Quran dalam penulisan ini merujuk kepada Abdullah Basmeih (1980), *Tafsir Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

<sup>4</sup> Al-Kāff, Hussin (2004), *Tafsir al-Quran: Tafsir Juz' Amma*. Bandung: Al-Hayat, 245-246; Said Muhammad Mahmud Hijazi (2005), *Tafsir al-Wadhih*. (Terj:Bahagian Terjemahan & Editorial Pustaka Salam Sdn Bhd). Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd, 238.





Walaupun toleransi diharuskan dalam Islam, namun perlu dipastikan agar fahaman yang bertentangan dengan Islam seperti fahaman liberal dan sekular tidak tersebar dalam kalangan masyarakat Islam dengan bersandarkan konsep toleransi beragama. Ini kerana fahaman liberal dan sekular dapat menimbulkan kekeliruan akidah dalam kalangan umat Islam. Konsep *maqāṣid syarī‘ah* yang digunakan sewenang-wenangnya dalam menyelesaikan isu hak asasi manusia yang berkaitan toleransi beragama terutamanya dalam aspek hak kebebasan bersuara yang melampau terjadi disebabkan sikap dan pelakuan manusia yang memuji pemikiran terbuka Barat. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan amalan toleransi beragama yang sewajarnya diperlakukan di Malaysia berdasarkan kerangka *maqāṣid syarī‘ah*.



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Toleransi adalah amalan positif yang berlaku pada setiap anggota masyarakat setiap hari dalam aspek tingkah laku manusia, termasuk agama, tingkah laku seksual, dan hak kebebasan bersuara, termasuk perkara berkaitan hubungan antara etnik dan agama. Toleransi juga boleh berlaku apabila terdapat perbezaan atau perselisihan antara individu dan kumpulan yang tidak bersetuju untuk meninggalkan prinsip yang mereka pegang atau bersetuju dengan prinsip kumpulan yang berbeza.<sup>5</sup>

<sup>5</sup> Wach, Joachim (1958), *The Comparative Study of Religion*. New York: Columbia University Press, 121-123.





Provokasi oleh segelintir pihak yang menghina agama atas nama kebebasan bersuara ialah contoh nilai budaya yang tidak menghormati sensitiviti masyarakat lain. Penyalahgunaan hak kebebasan bersuara berlaku akibat daripada ketidakpedulian individu dan perasaan ego, yang meletakkan kebebasan peribadi melampaui kesejahteraan masyarakat. Cabaran utama toleransi agama hari ini adalah untuk memastikan golongan yang sengaja mengambil kesempatan menggunakan hak kebebasan bersuara untuk sentiasa menghormati batasan undang-undang terhadap kebebasan bersuara dan hak asasi manusia lain sejajar dengan *maqāṣid syarī‘ah*.

Kenyataannya, kepelbagaian etnik, budaya dan agama yang wujud di Malaysia adalah antara punca wujudnya pelbagai aliran pemikiran berbeza. Sekiranya rakyat tidak mempunyai sikap toleransi beragama, ia boleh memecahbelahkan perpaduan masyarakat negara ini. Oleh itu, kajian ini memfokuskan pandangan para ulama Islam, sarjana Islam kontemporari dan sarjana Barat mengenai konsep dan amalan toleransi beragama. Pandangan para sarjana Islam merujuk kepada dalil-dalil muktabar dan analisis yang berkaitan dengannya. Perbincangan ini juga melihat kepada batasan toleransi beragama mengikut *maqāṣid syarī‘ah* dalam kalangan komuniti berbilang etnik dan agama di Malaysia.

Toleransi beragama telah lama dipromosikan dan diamalkan oleh kerajaan dan masyarakat Malaysia. Namun, pelbagai isu yang timbul memerlukan kajian yang lebih komprehensif tentang amalan toleransi agama yang diamalkan di Malaysia. Persoalannya adakah toleransi beragama di Malaysia mengikut prinsip *maqāṣid*





*syarī‘ah?* Jika amalan toleransi beragama dipraktikkan oleh masyarakat Malaysia, adakah wujudnya kesan positif atau negatif lahir daripada amalan tersebut? Adakah keharmonian dan perpaduan antara masyarakat pelbagai kaum Malaysia wujud dalam ruang lingkup *maqāṣid syarī‘ah?*

Isu ini memerlukan penjelasan komprehensif dalam bentuk kajian ilmiah untuk menjelaskan isu berkaitan amalan toleransi agama berdasarkan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* seperti hubungan antara kaum, hubungan dan kerjasama politik pelbagai etnik, dan dasar kerajaan dalam menyokong amalan toleransi beragama dalam masyarakat berbilang etnik dan agama di Malaysia. Selain itu, beberapa amalan toleransi beragama yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian masyarakat majmuk di Malaysia turut dikaji kerana amalan berkenaan mampu melahirkan kesan positif dan negatif dalam usaha pembinaan negara Malaysia yang aman dan harmoni berdasarkan *maqāṣid syarī‘ah*.

### 1.3 Sorotan Literatur

Isu-isu berhubung toleransi beragama telah dibincangkan oleh ramai pengkaji lepas merangkumi pelbagai topik kajian. Berikut ialah sorotan kajian lepas berkaitan topik penyelidikan ini meliputi tiga tema utama iaitu konsep *maqāṣid syarī‘ah* berdasarkan pandangan ulama, toleransi beragama menurut pandangan Islam, dan toleransi beragama serta perlaksanaannya dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah*.





### 1.3.1 Konsep *Maqāṣid Syarī‘ah* Menurut Pandangan Ulama

Kajian tentang konsep *maqāṣid syarī‘ah* telah dijalankan oleh ramai pengkaji sebelum ini meliputi penulisan ulama-ulama silam dan kontemporari. Antara penulis yang telah mengkaji konsep *maqāṣid syarī‘ah* ialah al-Ghazālī,<sup>6</sup> al-Shāṭibī,<sup>7</sup> Ibn Taymiyyah,<sup>8</sup> al-Āmidī,<sup>9</sup> Ibn ‘Ashūr,<sup>10</sup> ‘Ilāl al-Fāsī,<sup>11</sup> al-Raysūni,<sup>12</sup> al-Qaraḍawī,<sup>13</sup> Wahbah al-Zuhaylī,<sup>14</sup> Muḥammad al-Yūbī,<sup>15</sup> dan ramai lagi. Topik yang dibincangkan termasuk sejarah *maqāṣid syarī‘ah*, klasifikasi *maqāṣid syarī‘ah*, pengertian *maqāṣid syarī‘ah* dan sebagainya.

Ulama silam seperti al-Shāṭibī, menyatakan bahawa *maqāṣid syarī‘ah* adalah jambatan untuk merealisasikan kepentingan dan kesejahteraan umat manusia dalam kehidupan ini dan di masa hadapan. *Maqāṣid syarī‘ah* berperanan menjaga lima elemen asas iaitu agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Kesempurnaan kehidupan manusia bergantung kepada lima elemen asas tersebut kerana kepincangan

<sup>6</sup> Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad (1997), *Al-Muṣṭasfā min ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirūt: Muassasah al-Risālah, 1

<sup>7</sup> Op.cit., Al-Shāṭibī , *Al-Muwāfaqāt fī ‘Uṣul al-Shari‘ah*. Jil 2, 2.

<sup>8</sup> Ibn Taymiyah, Aḥmad bin Abdul Ḥaṣīm (1398H), *al-Majmū‘ Al-Fatāwā Shaikh al-Islām Ibn Taymiyah*. t.tp. t.p., 3.

<sup>9</sup> Al-Amīdī, Sayf al-Dīn Abū al-Ḥasan ‘Alī bin Abī ‘Alī bin Muḥammad (1388H), *Al-Iḥkām fī Usūl al-Aḥkām*. Jil 2. t.tp: Muassasah al-Nur, 3.

<sup>10</sup> Ibn ‘Ashūr, Muhammad al-Tahir ‘Ashur (2005), *Maqāṣid Shari‘ah al-Islamiyyah*. Kaherah: Dār al- Salam li al-Tibā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 55.

<sup>11</sup> al-Fasi, ‘Ilal (2011), *Maqāṣid Shari‘ah al-Islamiyyah wa Makarimuhā*. Kaherah: Dar al-Salam li al-Tiba‘ah wa al- Nashr wa al-Tawzī‘ wa al-Tarjamah, 111.

<sup>12</sup> Op.cit., Al-Raysūni, *Nazariyyah al-Maqāṣid*, 7.

<sup>13</sup> Al-Qaraḍawī, Yusūf (2011), *Al-Siyasah al-Shar‘iyyah Fi Daw’ Nusus al-Shari‘ah wa Maqāṣiduha*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 288.

<sup>14</sup> Al-Zuhaylī, Wahbah (1986), *Usūl al-Fiqh al-Islāmī*. Dimashq: Dār al-Fikr, 1017.

<sup>15</sup> Al-Yūbī, Muhamad Sa‘ad bin Aḥmad bin Mas‘ūd (1434H), *Maqāṣid Shari‘ah al-Islāmiyyah wa Alāqatuhā bi al-adillah al-Shar‘iyyah*. UAE: Dār Ibn al-Jawzī, 38.



merealisasikan lima perkara ini akan menyebabkan kehidupan individu dan masyarakat tidak mencapai kesempurnaan di dunia dan akhirat.<sup>16</sup>

Yusuf Hāmid al-‘Ālim melalui penulisannya, menyentuh definisi berkaitan *maqāṣid syarī‘ah*, hukum *maqāṣid syarī‘ah* dan keistimewaan *maqāṣid syarī‘ah*. Bab pertama bukunya, terdapat perbincangan yang berkaitan dengan tujuan dan *maṣlahah* dalam *ijmali* (umum). Manakala, bab kedua bukunya pula, membincangkan *maṣlahah* berdasarkan lima syarat asas secara terperinci (*al-kuliyyah al-khamsah*).<sup>17</sup> Penyelidikan ini membincangkan masalah *maqāṣid syarī‘ah* secara keseluruhan, manakala kajian pengkaji tertumpu kepada *maqāṣid syarī‘ah* sebagai asas kajian amalan toleransi agama berdasarkan kerangka *maqāṣid syarī‘ah*. Selain itu, berbeza dengan kajian ini, pengkaji menjalankan kajian berbentuk kajian kepustakaan dan wawancara. Manakala kajian sebelum ini hanya tertumpu kepada kajian kepustakaan iaitu rujukan kepada kitab-kitab lama.

Ibn ‘Ashūr membahagikan *maqāṣid syarī‘ah* kepada tiga komponen dalam penentuan *maqāṣid syarī‘ah* sebagai hukum Islam. Beliau juga menekankan mengenai kepentingan *maqāṣid syarī‘ah* yang perlu dipisahkan daripada ilmu usul fiqh. Menurut beliau, *maqāṣid syarī‘ah* itu sendiri berperanan mampu memberi penjelasan kepada setiap hukum dalam fiqh.<sup>18</sup> Ini boleh dilihat dalam penulisan Ibn ‘Ashūr berkaitan *maqāṣid syarī‘ah* yang membahagikan kitabnya kepada tiga komponen. Komponen pertama menghuraikan tentang *maqāṣid* dan cara

<sup>16</sup> *Op.cit.*, Al-Shāṭibī, *Al- Muwāfaqat fī Uṣūl al-Shari‘ah*. Jil 2, 266.

<sup>17</sup> Yusuf, Hāmid al-‘Ālim (1994), *Al-Maqāṣid al-‘Ammah li al-Shari‘ah al-Islāmiyyah*. Kaherah: al-Ma’had al-Alamī Li al-Fikr al-Islāmi, 106 -107.

<sup>18</sup> *Op.cit.*, Ibn ‘Ashūr, *Maqāṣid Shari‘ah al-Islamiyyah*, 55.

penentuannya sebagai sumber hukum serta kepentingannya kepada fuqaha. Komponen kedua, memfokuskan kepada *maqāṣid mu'amalah*. Komponen ketiga, Ibn ‘Ashūr memisahkan *maqāṣid syarī‘ah* daripada ilmu usul fiqh yang dianggapnya tidak *qat’ie* dengan menjadikan *maqāṣid syarī‘ah* sebagai *qat’ie*.<sup>19</sup> Perbezaan dengan kajian pengkaji, karya ini menumpukan kepada *maqāṣid* dalam *mu'amalah* manakala tajuk kajian pengkaji menfokuskan kepada konsep *maqāṣid* sebagai landasan dalam kajian amalan toleransi di Malaysia menurut *maqāṣid syarī‘ah*.

Izz al-Dīn Ibn Abd Salām berpandangan bahawa tujuan *maqāṣid syarī‘ah* adalah untuk mengekalkan *maṣlaḥah* dan menolak *mafsadah*. Baginya, menolak kemudaran adalah amat diperlukan dalam pelaksanaan sesuatu hukum dalam Islam.

Pelaksanaan hukum Islam perlu dilihat sebagai pelaksanaan keadilan dalam Islam.<sup>20</sup>

Muhammad Rāsyīd Reḍa membincangkan *maqāṣid syarī‘ah* dengan memfokuskan kepada *maqāṣid al-Quran*. Beliau membahagikan tujuan utama Al-Quran kepada sepuluh *maqāṣid* utama, iaitu pertama, *maqāṣid* melibatkan rukun agama yang menfokuskan kepada persoalan tauhid, hari kebangkitan, konsep pembalasan, dan konsep pengabdian kepada Allah S.W.T. *Maqāṣid* kedua pula, berkaitan tujuan pengutusan nabi dan rasul dan tugas-tugas rasul. *Maqāṣid* ketiga menafsirkan Islam sebagai agama fitrah, kecerdasan minda, pemikiran, pengetahuan, kebijaksanaan, pemahaman, hujah, psikologi, kebebasan dan

<sup>19</sup> *Ibid.*, 107.

<sup>20</sup> Izz al-Dīn ‘Abdul Al-Salām, ‘Abd al-Azīz (1992), *Qawā‘id al-Ahkām fī Maṣāliḥ al-Anām*. Jil 1. Beirut: Dār Khutub al-‘Ilmiyyah, 11.



kemerdekaan yang sempurna. *Maqāṣid* keempat pula menjelaskan lapan cara penyatuan yang dapat memperbaiki kehidupan manusia, masyarakat, politik, dan negara; iaitu penyatuan ummah, penyatuan bangsa, penyatuan agama, penyatuan syariat dan kesamarataan dalam menjaga keadilan yang diikat oleh semangat kesatuan persaudaraan dan pengabdian, kesatuan kewarganegaraan dan corak pemerintahan, kesatuan kehakiman dan kesatuan bahasa. *Maqāṣid* kelima pula menerangkan tentang keistimewaan ajaran Islam dari segi konsep tanggungjawab dan larangan. *Maqāṣid* keenam, menjelaskan undang-undang yang berkaitan dengan politik antarabangsa; jenis, dasar, dan sumber-sumbernya secara asas. *Maqāṣid* ketujuh, menghuraikan konsep pengurusan harta secara berkesan. *Maqāṣid* yang kelapan, menghuraikan berkaitan undang-undang perang dan menghindari cara pelakuan jenayah dalam perang. *Maqāṣid* kesembilan, menjelaskan tentang hak wanita dan hak-hak berkenaan kemanusiaan, agama, dan kemodenan. *Maqāṣid* terakhir menerangkan tentang hidayah Allah untuk menghapuskan penderitaan.<sup>21</sup> Karya Rāsyīd Rēdā ini berlainan dengan konsep dengan kajian pengkaji kerana pengkaji hanya memfokuskan kajian kepada konsep *maqāṣid* sebagai asas untuk mengkaji amalan toleransi beragama di Malaysia menurut *maqāṣid syarī‘ah* sedangkan kitab ini menghuraikan keseluruhan *maqāṣid al-Quran* daripada pelbagai topik

Penulisan Shah Waliyullah al-Dahlawī menerangkan perkara berkaitan rahsia dan hikmah syariat Islam. Karya ini terbahagi kepada dua komponen,

<sup>21</sup> Rēdā, Muḥammad Rāsyīd (1988), *Al-Wahy Al-Muhammadiy*. Algeria: Dār al-Kutub. Sila lihat juga Al-Daghamin, Ziyad Muḥammad (2002, September), Manhaj al-Taamul Maa al-Qu’ran Fi Fikr al-Shaykh Muḥammad Rāsyīd Rēdā; Qiraah Tahliliyah Fi Tafsir al-Manar, *Jurnal al-Sharī‘ah Wa al-Dirasat al-Islamiyyah*, 50, 168- 216.



komponen pertama membincangkan hikmah kebaikan yang secara umum diterima oleh semua syariat sebelumnya. Manakala, komponen kedua adalah berkaitan dengan hikmah setiap syariat seperti konsep iman, perintah untuk solat, perintah untuk puasa, perintah mengeluarkan zakat, perintah menunaikan haji dan lain-lain. Penulisan ini berjaya menjelaskan kebaikan dan keburukan dari setiap hukum hakam yang ditetapkan.<sup>22</sup> Hikmah umum zakat yang dibincangkan dalam penulisan ini juga membantu pengkaji dalam menjelaskan konsep *maqāṣid syarī‘ah* dengan lebih terperinci dalam kajian ini.

Selain itu, Dr Muhammad al-Yūbi dalam tesisnya memberikan gambaran lengkap tentang *maqāṣid syarī‘ah*.<sup>23</sup> Kajian ini memberi perhatian mengenai hubungan antara *maqāṣid* dan dalil-dalil syarak kerana ramai orang yang mempunyai tanggapan salah terhadap pengertian *maqāṣid* yang sebenarnya. Ini berlaku kerana mereka hanya melihat dalil-dalil tertentu, dan mengabaikan banyak dalil *juziyah* yang lain sedangkan ia berfungsi untuk mengikat pengertian *maqāṣid* yang berbentuk umum. Al-Yubi menjelaskan hubungan *maqāṣid* dengan al-Quran kerana beliau menyedari bahawa al-Quran ialah sumber dalil dan hukum syariat.

Jasser Auda dalam penulisannya berkaitan konsep *maqāṣid syarī‘ah* menyatakan kaedah paling tepat untuk mempertimbangkan amalan *maqāṣid syarī‘ah* adalah dari sudut untuk mengenal pasti matlamat dan fokus tertentu yang terdapat dalam al-Quran. Kaedah *maqāṣid syarī‘ah* yang dibincangkan oleh Jasser

<sup>22</sup>Al-Dahlawī, Shāh Waṣīyullāh (2010), *Hujjatullāh al-Bālighah*. Jil 2. Dismashq: Dār Ibn Kāthir, 139-144.

<sup>23</sup>Op.cit., Al-Yūbi, *Maqāṣid Sharī‘ah al-Islāmiyyah*, 39.

Auda menekankan kepentingan dan kebaikan masyarakat, menolak tafsiran literal teks Al-Quran, mengutamakan semangat ajaran al-Quran, memahami keseluruhan teks untuk mengenal pasti matlamat syariah dan kemudian menafsirkan ayat-ayat tersebut dengan *maqāṣid syarī‘ah* yang dikenal pasti.<sup>24</sup> Oleh sebab itu, menurutnya, hukum syarak yang dilaksanakan wajar dinilai semula atau dipinda agar selaras dengan matlamat syariah bagi memastikannya sesuai demi menjamin keselamatan dan pembangunan manusia dan masyarakat.

Mohammad Hashim Kamali menyatakan bahawa *maqāṣid syarī‘ah* adalah bersifat terbuka dan fleksibel kepada pembaharuan mengikut perkembangan zaman. Menurut Kamali, *maqāṣid syarī‘ah* adalah ilmu yang memerlukan ijtihad baharu dalam perkara-perkara kontemporari agar ajaran Islam dilihat bersesuaian dengan situasi semasa. Namun pada masa yang sama tidak meninggalkan prinsip Islam yang menekankan konsep keadilan dalam kehidupan individu dan masyarakat.<sup>25</sup>

Rane Halim berpandangan bahawa sarjana fiqh berminat dalam *maqāṣid syarī‘ah* disebabkan kelahiran semula pendekatan *maqāṣid syarī‘ah* dalam pelbagai bidang, khususnya pemikiran politik Islam kerana pimpinan parti politik bernuaskan Islam menegaskan bahawa memartabatkan pemerintahan yang baik, pembangunan ekonomi, dan melindungi hak dan kebebasan asas adalah matlamat Islam. Pengaruh kuat latar belakang sosial ditambah penafsiran konservatif terhadap undang-undang syariah membuatkan *maqāṣid syarī‘ah* berpotensi untuk memberikan

<sup>24</sup> Auda, Jasser (2011), *A Maqāṣidi Approach to Contemporary Application of the Shari‘ah. Intellectual Discourse*. Kuala Lumpur: International Islamic University Malaysia Press, 207.

<sup>25</sup> Kamali, Mohammad Hashim (2008), *Maqasid al-Syarī‘ah Made Simple*. United States of America: The International Institute Islamic Thought, 24; Kamali, Mohammad Hashim (2004) *The Principles of Islamic Jurisprudence*. Petaling Jaya: Ilmiah Publishers Sdn Bhd, 396-399.



sumbangan penting dalam pembaharuan undang-undang Islam dengan menilai kembali jalan demokrasi, kebebasan dan hak asasi manusia serta tradisi silam berdasarkan pembaharuan politik serta aktiviti bercorak komersial dan agama.<sup>26</sup>

Selain itu, terdapat kajian dan penulisan ilmiah mengenai *maqāṣid syarī‘ah* dalam produk kontemporari seperti kajian Arif Fathilah bin Mohd Safar mengenai elemen *maqāṣid syarī‘ah* dalam Takaful Ikhlas dari segi pemeliharaan nyawa dan akal. Kajian ini menekankan kepentingan menjaga kehidupan, nyawa dan harta manusia melalui amalan Takaful Ikhlas.<sup>27</sup>

Kajian seterusnya oleh Aba Yazid menyentuh tentang kaitan *maqāṣid syarī‘ah* dan persoalan perkahwinan dan hak-hak wanita. Kajian ini menjuruskan kepada persoalan perkahwinan, hak-hak wanita dan kaitan objektif perkahwinan dengan hak wanita dalam melindungi kesejahteraan wanita dan masyarakat. Nilai-nilai nikah dipelihara oleh Islam melalui hak-hak yang dijamin oleh Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah.<sup>28</sup>

Aslinda binti Apandi melalui kajian beliau pula membincangkan persoalan mengenai amalan poligami mengikut konteks syariat Islam. Kajian ini membincangkan objektif syariah dalam keharusan berpoligami di Kota Bharu, Kelantan berdasarkan keperluan kepada poligami dalam mengatasi masalah kekeluargaan Islam.

<sup>26</sup> Rane, Halim (2013), The Relevance of A Maqasid Approach. *Journal of Law & Religion*, 28(2), 489-520.

<sup>27</sup> Arif Fathilah Mohd Safar (2011), *Analisis Terhadap Elemen Maqāṣid Syarī‘ah Dalam Takaful Ikhlas Di Malaysia*. Disertasi Sarjana Jabatan Usul Fiqh dan Syariah, Universiti Malaya.

<sup>28</sup> Aba Yazid (2005), *Implementasi Teori Maqāṣid Syarī‘ah Terhadap Konsep Nikah dan Hak-hak Wanita*, Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Malaya.





Penyelidikannya mendapati bahawa dibandingkan faktor lain, kepentingan peribadi merupakan faktor utama dalam poligami, terutamanya disebabkan oleh faktor keinginan seksual lelaki dan status ekonomi lelaki. Selain itu, terdapat pengamal poligami yang tidak mempertimbangkan objektif syariah dalam mengamalkan poligami, kerana kebanyakannya mereka berpendirian bahawa objektif syariah bukanlah syarat yang penting. Mereka menganggap objektif syariah tersebut diperlukan secara prinsip, dan tidak diperlukan dari segi pelaksanaan.<sup>29</sup>

Walaupun terdapat pelbagai kajian mengenai konsep *maqāṣid syarī‘ah*, tetapi kajian mengenai amalan toleransi beragama di Malaysia dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah* khususnya melibatkan penjagaan maṣlahah belum pernah dilakukan oleh mana-mana pengkaji di negara ini terutama berkenaan dengan toleransi beragama dan kaitannya dengan Perlembagaan Persekutuan, dasar-dasar kerajaan yang terpilih yang melibatkan isu perpaduan. Kajian-kajian di atas dijadikan sebagai sumber rujukan kepada pengkaji dalam kajian ini.

<sup>29</sup> Aslinda Apandi (2005), *Objektif Syariah Dalam Amalan Poligami di Kota Bharu*. Disertasi Sarjana Syariah, Universiti Malaya.





### 1.3.2 Toleransi Beragama Menurut Pandangan Islam

Toleransi berasal daripada bahasa Latin, yang bermaksud disiplin diri, sabar dan menghormati orang lain untuk menyatakan pendapat atau pandangan.<sup>30</sup> Secara umum, istilah ini merujuk kepada berfikiran terbuka dan berhikmah dalam melontar idea dan pendapat terhadap sesuatu perkara. Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pula mendefinisikan toleransi sebagai saling menghormati dalam kepelbagaian budaya dan meraikan kebebasan bersuara.<sup>31</sup> Ringkasnya, toleransi memerlukan nilai keharmonian walaupun wujudnya kepelbagaian agama. Proses membina keharmonian dan pengiktirafan terhadap agama lain dilakukan melalui sikap rasional, terbuka, jujur tetapi tegas, sehingga dapat menimbulkan rasa hormat terhadap kesucian agama lain tanpa menghasilkan kebenaran relatif.<sup>32</sup>



Perbandingan toleransi beragama antara dua negara pernah dilakukan oleh Ghazali Basri menerusi perbandingan antara negara Malaysia dan Nigeria yang pernah dijajah oleh Inggeris. Antara faktor yang mewujudkan ketidakharmonian sesebuah negara ialah kerana kurang pemahaman sejarah oleh penduduk negara tersebut. Bukti yang dinyatakan dalam kajian beliau, ialah kurangnya sikap penghargaan masyarakat bukan Islam kepada orang Melayu selepas penjajahan British yang boleh dilihat daripada pelbagai tuntutan oleh masyarakat bukan Melayu

<sup>30</sup> Muhammad Yasir (2014), Makna Toleransi Dalam Al-Quran. *Jurnal Ushuluddin*, 22(2), 17-180.

<sup>31</sup> Rosaina Ginting & Kiki Aryaniningrum ( 2009), Toleransi Dalam Masyarakat Plural. *Jurnal Ilmiah*, 23(4), 1-7.

<sup>32</sup> Nur Farhana Abdul Rahman (2016), *Panduan Toleransi Agama Dalam Hubungan Muslim-Kristian Malaysia Melalui Pendekatan Ismail Al-Faruqi*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.





seperti hak untuk murtad dan isu penggunaan kalimah Allah. Dibandingkan dengan Nigeria, permasalahan di negara terbabit lebih kompleks kerana negara tersebut terdiri daripada pelbagai suku kaum yang menganut pelbagai agama. Di Malaysia, majoriti penduduknya mengamalkan agama berdasarkan suku kaum atau etnik. Faktor suku kaum yang pelbagai dan tiada agama dominan dalam mana-mana suku kaum di Nigeria merumitkan amalan toleransi beragama di sana. Kajian memperlihatkan bahawa faktor penjajahan British telah meninggalkan pelbagai impak negatif di negara yang dijajahnya. Malaysia dan Nigeria berkongsi pengalaman menjadi mangsa penjajahan yang menyebabkan perpaduan antara masyarakat perlu dipertingkatkan agar keharmonian dan kedamaian berterusan di negara tersebut. Pengalaman ini membentuk negara Malaysia dan Nigeria yang menghadapi masalah dalam penyatuan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama.<sup>33</sup>



Muhid Osman dalam kajian beliau menekankan konsep toleransi dalam perhubungan dengan orang bukan Islam terutamanya melibatkan aktiviti dakwah dan promosi keindahan Islam sebagai rahmat bagi seluruh dunia. Dalam kes ini, tarikan orang bukan Islam kepada Islam adalah melalui akhlak penganutnya. Akhlak baik yang ditunjukkan oleh umat Islam dapat membuka ruang untuk berdakwah kepada orang bukan Islam. Justeru, komunikasi dan hubungan baik melibatkan etnik dan agama berbeza di Malaysia dapat meningkatkan kejayaan usaha dakwah kepada Islam.<sup>34</sup>

<sup>33</sup> Ghazali Basri (1998), *A Comparative Study on Religious Tolerance in Post Independent Malaysia–Nigeria with Special Reference to Christian Muslim Relation*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti of Aberdeen.

<sup>34</sup> Muhid Osman (2008 ), *Prinsip Toleransi Beragama Dalam Al Quran:Kajian Surah Al-Mumtahanah* Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Sunnah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



Toleransi beragama dalam Islam boleh dibahagikan kepada dua situasi: pertama, elemen toleransi beragama yang dianjurkan dalam al-Quran; kedua, amalan toleransi beragama yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad S.A.W dan umat Islam sebagai contoh atau model. Islam sebagai *al-Din* mengandungi prinsip tertentu sebagai garis panduan bagi orang Islam untuk berurusan dengan orang bukan Islam. Prinsip asas yang ditetapkan mestalah menepati al-Quran dan Sunnah.<sup>35</sup>

Semua manusia beragama menghargai dan mengharapkan kedamaian. Islam hadir sebagai agama yang menjunjung tinggi nilai perdamaian dan kedamaian. Prinsip toleransi dalam Islam mengandungi nilai rahmat, kebijaksanaan, *maṣlahah* dan keadilan. Contohnya, Nabi Muhammad S.A.W sebagai pemerintah melayani semua rakyat Madinah sama ada mereka yang beragama Islam atau bukan Islam dengan adil dan saksama.<sup>36</sup>

Penulisan berkaitan toleransi juga ditulis oleh Mohd Aizuddin Mohd Sani. Walaupun tidak memfokuskan toleransi sebagai tajuk utama penulisan tetapi pelbagai perbincangan mengenai hak asasi manusia dan kebebasan bersuara mengikut pandangan Islam dan Barat diutarakan dalam penulisan ini. Beliau menekankan perlunya setiap warganegara Malaysia mempunyai sikap toleransi yang tinggi dan saling menghormati.<sup>37</sup>

<sup>35</sup> Ammar Fadzil (2011), Religious Tolerance in Islam: Theories, Practices and Malaysia's Experiences as a Multi Racial Society. *Journal of Islam in Asia*, 8(3), 345-360.

<sup>36</sup> Adeng Muchtar Ghazali (2016), Toleransi Beragama dan Kerukunan Dalam Perspektif Islam, *Jurnal Agama Dan Lintas Budaya*, 1(1), 25-40.

<sup>37</sup> Mohd Azizuddin Mohd Sani ( 2002), *Hak Asasi dan Hak Bersuara Menurut Pandangan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn Bhd, 138.

Shamsul Amri dalam artikelnya *Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe* menekankan bahawa keharmonian antara masyarakat dan negara hanya akan wujud apabila budaya dan adat dihormati dan diraikan bersama agar perpaduan antara kaum dan agama dapat diwujudkan di Malaysia.<sup>38</sup> Peranan belia juga diperlukan dalam pemahaman adat dan budaya ini kerana mereka ialah generasi baharu dalam pembangunan negara. Belia yang memahami asas kerangka perlembagaan akan dapat melahirkan masyarakat yang bertoleransi.<sup>39</sup> Sehubungan itu, halangan untuk bertoleransi perlu diminimumkan supaya perpaduan dapat dijaga dengan jayanya.<sup>40</sup>

Abd Rahman Awang pula, menyatakan hak toleransi manusia dalam Islam tidak hanya terkandung dalam konsep menjaga perpaduan, tetapi juga diwujudkan melalui perkara praktikal seperti mempercayai keesaan Allah S.W.T. Selain itu, hak asasi manusia sangat komprehensif serta bersifat multi dimensi; ia merangkumi semua aspek kehidupan, politik, ekonomi, masyarakat, dan budaya. Hak asasi manusia yang terkandung dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan perjanjian antarabangsa adalah pengulangan seruan Islam untuk hak asasi manusia sejak empat belas abad lepas. Islam telah mengemukakan konsep hak asasi manusia yang sangat unik dan sempurna dengan pendekatan yang komprehensif dan praktikal untuk merealisasikan dan melindungi hak individu dan masyarakat.<sup>41</sup>

<sup>38</sup> Shamsul Amri (2005), *Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe*. *Asia Europe Journal*, 3, 159-178.

<sup>39</sup> Nazri Muslim (2014), *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan: Tiang Seri Hubungan Etnik di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 20.

<sup>40</sup> Ahmad Tarmizi Talib & Gill, Sarjit Singh (2012), *Socio Religious Tolerance: Exploring the Malaysia Experience*. *Global Journal of Human Social Science*, 12(8), 49-54.

<sup>41</sup> Abd Rahman Awang (2006), *Human Right: An Islamic Perspective*. *Jurnal Syariah*, 14(1), 23- 34.

Walaupun terdapat beberapa kajian tentang toleransi beragama menurut pandangan Islam, kajian khusus yang membincangkan berkenaan toleransi menurut pandangan Islam dan kaitannya dengan *maqāṣid syarī‘ah* sangat kurang dijalankan terutamanya melibatkan toleransi beragama antara agama di Malaysia. Walaupun begitu, kajian-kajian yang telah dijalankan seperti di atas membantu pengkaji mendapatkan maklumat berkaitan aspek-aspek metodologi, objektif bahan-bahan rujukan dan sebagainya.

### 1.3.3 Toleransi Beragama Serta Perlaksanaannya Pada Masa Kini di Malaysia.

Kajian berkaitan amalan beragama di Malaysia dilakukan oleh Mohd Richard Neles Abdullah berkisar amalan toleransi di sekolah. Kajian beliau merujuk konteks mengenal pasti amalan agama dan tingkah laku toleransi antara kaum. Amalan keagamaan dalam penyelidikannya merujuk kepada tingkah laku komitmen agama dan nilai keagamaan, tingkah laku terancang berkaitan dengan sikap, norma subjektif, dan persepsi kawalan tingkah laku, dan toleransi etnik merujuk kepada interaksi antara sekolah dan persekitaran luaran.<sup>42</sup> Selain itu, sebuah kajian lain mengkaji peranan dan penyertaan pelajar sekolah menengah dalam isu toleransi beragama untuk menentukan sejauh mana boleh ubah kefahaman agama dan pemahaman toleransi agama mempengaruhi sikap dan amalan toleransi agama di Selangor. Rumusan kajian mendapatkan penghayatan agama dan kefahaman mengenai toleransi

<sup>42</sup> Mohd Richard Neles Abdullah (2018), *Amalan Agama dan Toleransi Etnik Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.



memberikan kesan yang besar dalam amalan toleransi beragama dalam kalangan pelajar sekolah.<sup>43</sup>

Terdapat tinjauan dijalankan untuk menentukan sejauh mana belia berbilang etnik di Semenanjung Malaysia memahami konsep toleransi berdasarkan amalan persekitaran sosial, penyertaan sosial, patriotisme dan toleransi antara kaum. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan dari aspek jantina, bangsa, sumbangsan persekitaran sosial, penyertaan sosial, dan pengetahuan mengenai patriotisme terhadap amalan patriotisme dan toleransi antara etnik. Hasil kajian menunjukkan bahawa toleransi dalam kalangan orang muda pelbagai etnik di Semenanjung Malaysia berada pada tahap sederhana. Oleh itu, pelbagai usaha fleksibel dan berterusan diperlukan untuk menggalakkan penyertaan belia yang lebih komprehensif untuk memastikan bahawa generasi muda mempunyai tahap patriotisme dan toleransi antara kaum yang tinggi demi membentuk masyarakat Malaysia yang harmoni.<sup>44</sup>

Berbanding dengan kajian oleh Khadijah Muda menunjukkan toleransi beragama penduduk negara ini telah mencapai tahap yang memberangsangkan. Persepsi, sikap, kesediaan dan struktur toleransi agama lain berada pada tahap yang memberangsangkan, meskipun pengalaman dan tingkah laku masih pada tahap sederhana. Selain itu, faktor demografi (bangsa dan agama), penyertaan dalam

<sup>43</sup> Ruhailah Abdul Ghani (2019), *Kefahaman Agama dan Kesannya Terhadap Sikap dan Amalan Toleransi Beragama dalam Kalangan Kelas Menengah di Selangor*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>44</sup> Abdul Aziz Abdul Rahman (2017), *Dorongan Persekitaran dan Penyertaan Sosial Terhadap Patriotisme dan Toleransi dalam Kalangan Belia Pelbagai Etnik di Semenanjung Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.



persatuan menunjukkan perbezaan signifikan dalam toleransi agama.<sup>45</sup> Generasi muda perlu lebih memahami adat dan budaya berbeza di Malaysia kerana mereka merupakan generasi pelapis negara ini. Belia yang memahami asas kerangka perlembagaan akan dapat melahirkan masyarakat yang bertoleransi.<sup>46</sup> Sehubungan dengan itu, halangan untuk bertoleransi perlu diminimumkan supaya perpaduan dapat dijaga.<sup>47</sup> Kajian yang dilakukan oleh Khadijah Muda di atas menunjukkan wujudnya kesan positif dan negatif dari amalan toleransi beragama yang dipraktikkan oleh masyarakat Malaysia.

Faizah Ismail dan Rahimin Affandi berpendapat elemen yang terdapat dalam *maqāṣid syarī‘ah* perlu mengambil kira pandangan para ulama fiqh daripada perspektif yang berbeza dan komprehensif, tidak hanya dengan berpegang pada teks sahaja.<sup>48</sup> Oleh itu, dialog antara agama perlu dipraktikkan dan kebebasan berfikir harus diraikan pada tahap yang tidak bertentangan dengan syariat Islam.<sup>49</sup>

Muhammad Nidzam Abd Kadir dalam tesisnya menekankan bahawa dalam usaha mencapai keharmonian di Malaysia, semua pihak perlu mengurangkan perbincangan mengenai isu bersifat *khilafiyah*. Beliau juga menyatakan bahawa penerangan perlu diberi sebelum hukuman dilaksanakan dalam perkara yang menimbulkan kekeliruan dalam syariat dengan mengutamakan prinsip *maqāṣid*

<sup>45</sup> Khadijah Muda (2017), *Pembentukan Model Toleransi Beragama dalam Kalangan Belia Pelbagai Etnik*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<sup>46</sup> *Op.cit.*, Nazri Muslim, *Islam dan Melayu dalam Perlembagaan*, 20.

<sup>47</sup> *Op.cit.*, Ahmad Tarmizi Talib & Gill, Sarjit Singh, *Socio Religious Tolerance*, 49-54.

<sup>48</sup> Paizah Hj Ismail & Rahimin Affandi (2014), Penyelesaian Masalah Pertentangan Antara Nas Berasaskan Prinsip Maqāṣid al-Syarī‘ah. *Jurnal Fiqh*, 11, 75-96.

<sup>49</sup> Rahimin Affandi, Mohd Anuar Ramli, Paizah Ismail & Norhayati Mohd Dahlal (2011), Dialog Antara Agama Realiti & Prospek di Malaysia. *Kajian Malaysia*, 29(2), 91-110.

*syarī‘ah* dalam perlaksanaan amalan berkaitan Islam di Malaysia.<sup>50</sup> Ini berbeza dengan kajian oleh penulis yang menekankan mengenai toleransi antara agama berkaitan dengan dasar-dasar kerajaan, beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan amalan-amalan sehari-hari masyarakat majmuk di Malaysia sedangkan kajian Muhammad Nidzam Abdul Kadir hanya memperkatakan mengenai amalan-amalan sehari-hari yang bersesuaian dengan Islam dalam kalangan masyarakat majmuk di Malaysia.

Dalam hal ini, Siti Shamsiah Md Supi berpandangan bahawa dalam memahami konsep toleransi beragama, kedudukan sosio-politik masyarakat bukan Islam di Malaysia perlu diambil kira. Masyarakat bukan Islam terutamanya masyarakat Cina cenderung memandang faktor ekonomi sebagai asas kepada keharmonian negara berbanding masyarakat Melayu dan India yang memandang faktor agama dan bangsa sebagai jaminan keharmonian negara.<sup>51</sup>

Khadijah Mohd Khambali@ Hambali dan Mohd Herzali Mohd Haled menyatakan bahawa toleransi beragama masih kabur di Malaysia disebabkan kelemahan dalaman dalam aspek penerimaan budaya antara masyarakat yang berbeza. Justeru, semua pihak perlu mengambil pelbagai langkah bagi memastikan keluhuran

<sup>50</sup> Muhamad Nidzam Abdul Kadir (2014), *Interaksi dengan Golongan Non Muslim di Malaysia dari Perspektif Maqāṣid Syarī‘ah*. Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>51</sup> Siti Samsiah Md Supi (2001), *Kedudukan Bukan Islam dalam Perubahan Sosio-Politik di Malaysia Berdasarkan Teori Fiqh: Analisis Perlaksanaan*. Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.



perlembagaan dan toleransi beragama dapat mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat.<sup>52</sup>

Usaha yang lebih bersungguh-sungguh harus dilakukan bagi mengenal pasti apakah bentuk amalan toleransi beragama yang sesuai serta tidak bertentangan dengan prinsip Islam. Dari awal kemerdekaan hingga abad ke-20, pelbagai bangsa, budaya dan agama di Malaysia dapat menikmati kehidupan yang damai dan harmoni bersama. Malaysia berjaya mengekalkan hubungan baik dalam kalangan masyarakat yang berlainan bangsa dan agama, berbanding negara berbilang kaum lain seperti Indonesia atau negara-negara Barat.<sup>53</sup>

Kajian mengenai amalan toleransi beragama di Malaysia dan batasannya dalam konteks *maqāṣid syarī‘ah* dapat dilihat daripada pelbagai sudut. Pengkaji berminat untuk mengkaji topik ini kerana masih terdapat isu yang belum dikaji oleh pengkaji lain berkaitan dengan aspek toleransi beragama dengan memfokuskan kajian terhadap Perlembagaan Persekutuan, dasar-dasar yang diamalkan oleh kerajaan dan interaksi sehari-hari antara masyarakat majmuk di Malaysia. Oleh itu, kajian yang telah dikaji sebelum ini dijadikan sebagai landasan kepada kajian ini terutamanya sebagai rujukan dalam perkara-perkara tertentu seperti toleransi dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia. Kajian ini diharapkan dapat membuktikan bahawa Islam merupakan agama sejagat dan rahmat bagi seluruh alam. Kajian ini cuba menonjolkan

<sup>52</sup> Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled ( 2008), Toleransi Beragama dan Amalannya di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin*, 27, 81-92.

<sup>53</sup> Ruhaizah Abdul Ghani & Jaffary Awang (2017), A Review on Writings on Religious Tolerance in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 12, 72-82.





bahawa Malaysia boleh dijadikan contoh negara yang mengamalkan toleransi beragama dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah*.

## 1.4 Permasalahan Kajian

Perbincangan berkaitan isu amalan toleransi beragama, perlaksanaan toleransi beragama di Malaysia dan kesan perlaksanaan toleransi beragama menurut *maqāṣid syarī‘ah* ini telah menonjolkan tiga masalah dalam kajian ini. Masalah kajian ini ditemakan kepada perkara berikut:

### 1.4.1 Amalan Toleransi Beragama Melampau di Malaysia

Isu besar yang menjadi kontroversi dalam toleransi beragama ialah berlakunya penyebaran fahaman liberalisme dan pluralisme yang bertentangan dengan roh Islam atas dasar toleransi beragama seperti *Sisters in Islam* dan golongan anti-hadis. Imam al-Ghazali menyatakan sesuatu keperluan dan kepentingan manusia perlu dilihat kepada sejauh mana ia selari dengan maṣlahah yang menjadi objektif syariah dengan menegaskan bahawa objektif syariah ialah menjaga lima perkara asas untuk menghilangkan *mafsadah*.<sup>54</sup>

Walaupun amalan toleransi beragama penting bagi mewujudkan keharmonian kaum di Malaysia, namun, amalan ini juga mampu untuk mendatangkan pelbagai kesan negatif kepada negara. Toleransi yang keterlaluan dalam agama boleh

<sup>54</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2012), *Maqasid al-Syarī‘ah: Satu Pengenalan*. Dlm *Maqasid al-Syarī‘ah*. Mahmood Zuhdi Abdul Majid, Mek Wook Mahmud & Akhtarzatie Abdul Aziz (pnyt). Batu Caves: International Islamic University of Malaysia, 7.





menyebabkan berlakunya penyebaran fahaman Islam liberal yang menganggap semua agama sama dengan berpandukan pentafsiran hukum syariat secara literal. Keadaan ini boleh melumpuhkan Islam sebagai sebuah cara hidup.<sup>55</sup>

Walaupun, fakta yang tidak dapat dinafikan ialah setiap manusia mempunyai hak-hak tertentu. Kesedaran mengenai hak asasi manusia diperlukan untuk kewujudan dan kelangsungan hidup masyarakat. Namun, penentuan hak ini memerlukan ruang untuk perbahasan dan perbincangan. Terdapat perbezaan pandangan dalam pemahaman hak asasi manusia. Sebilangan orang lebih mementingkan hak asasi individu, sementara yang lain ingin memastikan kelangsungan hidup masyarakat melalui hak asasi. Begitu juga, sebilangan orang cenderung mengaitkan masalah keganasan dengan tingkah laku orang Islam. Adalah tidak adil untuk mengaitkan Islam dengan pelanggaran hak asasi masyarakat. Tingkah laku ini disebabkan budaya dalam kalangan masyarakat Islam dan bukannya gabungan orientasi agama.

Sebagai agama yang fleksibel, Islam menghargai sikap saling menghormati, toleransi, keadilan, kesaksamaan, kebebasan dan hak asasi manusia dalam agama. Kehidupan masyarakat yang aman dan harmoni sangat bergantung kepada kepatuhan individu terhadap perintah Allah S.W.T. Hak dan keistimewaan yang dinikmati oleh manusia adalah pemberian Allah S.W.T kepada semua hambanya tanpa diskriminasi. Perintah dan larangan dalam Islam, sama ada masalah akidah, fiqh atau akhlak, tujuan *maqāṣid* *syarī‘ah* difokuskan pada bagaimana memperoleh manfaat dan menghilangkan bahaya. Namun begitu, toleransi beragama ada hadnya terutamanya

<sup>55</sup> Mohd Sani Bin Badron (2019), Latar Belakang dan Motif Mengenai Interaksi Penganut Agama di Malaysia. Dlm *Islam dan Hubungan Antara Agama*. Azizan Baharuddin, Enizahura Abd Aziz & Mohd Amiruddin Kamarulzaldi (pnyt). Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, 65.





yang melibatkan keselamatan diri, agama dan negara. Ringkasnya, menghindari kemudaratan adalah fokus utama syariat Islam.<sup>56</sup>

Mohammad Hashim Kamali menyatakan bahawa menjaga hal peribadi dan kerohanian, penerapan nilai-nilai moral, menghindari perbelanjaan berlebihan dan hukuman yang setimpal adalah syarat yang diperlukan untuk mencapai keharmonian sosial.<sup>57</sup> Oleh itu, adalah penting bahawa kajian ini dilakukan sebagai panduan dalam bentuk perbincangan ilmiah untuk menjelaskan kepada masyarakat Islam dan bukan Islam bahawa Islam adalah agama yang sangat mematuhi dan menghormati hak asasi manusia dan mengambil langkah praktikal untuk melindungi hak asasi manusia.

#### 1.4.2 Pengabaian Amalan Toleransi Beragama di Malaysia



Walaupun amalan toleransi beragama di Malaysia berkembang sejajar dengan kemerdekaan di negara ini daripada jajahan British sejak tahun 1957 dan pelbagai pendekatan dan kaedah dijalankan oleh pemerintah Malaysia untuk menyuburkan amalan toleransi antara masyarakat yang berbilang kaum dan agama di Malaysia. Amalan toleransi masih berada di tahap yang tidak memuaskan dan perlukan tindakan yang praktikal daripada masyarakat dan kerajaan untuk memupuk amalan ini.

Ini juga disebabkan oleh komposisi penduduk Malaysia yang pelbagai kaum menuntut jalinan dan amalan toleransi beragama dijayakan oleh pemerintah dan rakyatnya dengan lebih berkesan agar perpaduan antara rakyat bertambah utuh.

<sup>56</sup> Auda, Jasser (2008), *Maqasid al-Syarī‘ah A Beginner’s Guide*. London: The International Institute of Islamic Thought, 10.

<sup>57</sup> *Op.cit.*, Kamali, *Maqasid al-Syariah*, 5.



Keadaan ini dapat dilihat daripada pengamalan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* dalam pemerintahan negara yang merangkumi pelbagai aspek pemerintah kerajaan Malaysia.

Perlembagaan Persekutuan sebagai perundangan tertinggi di negara ini menjadi teras dan simbol perpaduan rakyat Malaysia. Persoalannya, sejauh manakah Perlembagaan Persekutuan dapat menjamin terlaksananya amalan toleransi antara agama dan masyarakat di Malaysia.

Selain itu, sejak awal kemerdekaan pihak pemerintah telah melaksanakan pelbagai polisi untuk merapatkan hubungan antara kaum dan agama di Malaysia. Polisi-polisi yang dibentuk melibatkan perkara berkaitan dengan Islam, ekonomi dan sistem pendidikan walaupun dilihat mampu untuk memastikan perpaduan berlaku antara rakyat Malaysia keseluruhannya namun polisi-polisi ini perlu dilihat secara keseluruhannya agar selari dengan ajaran Islam.

Di samping itu, sebagai sebuah negara demokrasi, Malaysia menjunjung tinggi aspirasi rakyat untuk memilih pimpinan kerajaan melalui pilihanraya. Oleh sebab itu, parti politik telah berkembang di Malaysia sebagai wadah perjuangan untuk rakyat. Dalam Islam, konsep *tahāluf siyāsī* dan *ta’awun siyāsī* berkait rapat dengan politik Islam. Islam mengharuskan kedua-dua konsep ini dalam berpolitik dengan tujuan turut sama membantu rakyat dan kemajuan negara bersama dengan golongan bukan Islam namun adakah konsep kerjasama politik ini selari dengan *maqāṣid syarī‘ah*?



Bahkan, perkembangan yang berlaku di negara kita sejak akhir-akhir ini menyedarkan semua tentang peri pentingnya soal menjaga kerukunan hidup bermasyarakat pelbagai agama dan kaum di negara ini. Apatah lagi pelbagai isu yang timbul turut menyemarakkan lagi persoalan toleransi beragama di Malaysia agar ditelusuri dengan lebih mapan. Pertikaian yang cuba dilakukan oleh pihak-pihak tertentu terhadap keluhuran Perlembagaan Persekutuan menggambarkan terdapatnya segelintir masyarakat yang tidak jujur dan berniat jahat terhadap negara. Soal kebebasan beragama seperti yang diperuntukkan dalam perlembagaan ini tidak sewajarnya dipersoalkan kerana masyarakat majmuk di Malaysia tidak pernah mengalami sebarang bentuk diskriminasi sama ada dari sudut perkauman mahu pun keagamaan.



pemerintah dan rakyat Malaysia bergantung kepada peranan semua pihak dalam menjayakan polisi dan program yang telah dirancang oleh pemerintah. Selain itu perlunya perubahan sikap warganegara Malaysia dalam menjadikan amalan toleransi beragama sebagai satu wadah dalam mencapai perpaduan antara masyarakat di Malaysia. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengkaji berkaitan permasalahan di atas agar toleransi beragama dapat dipastikan selari dengan kehendak *maqāṣid syarī‘ah*.



### 1.4.3 Pandangan Kritis Mengenai Amalan Toleransi Beragama di Malaysia

Walaupun Islam adalah pelopor agenda hak asasi manusia, keadaan dan amalan toleransi agama di Malaysia sekarang memerlukan usaha bersepakutu para ulama dan ilmuwan Islam untuk menerangkan mengenai hak asasi manusia dan toleransi menurut perspektif Islam. Perkara ini perlu bagi menjawab tuduhan dan pandangan kritis berkenaan perspektif Islam terhadap hak toleransi, dan sejauh mana amalan toleransi beragama di Malaysia sejajar dengan konsep *maqāṣid syarī‘ah*.

Oleh sebab itu, toleransi beragama dalam Islam selain memainkan peranan positif kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Para ulama tradisional menyatakan kebimbangan mereka terhadap toleransi yang keterlaluan dalam agama yang mampu meluaskan penyebaran Islam liberal, iaitu fahaman bahawa semua agama adalah sama. Situasi ini membahayakan kedudukan Islam sebagai *Ad-din*.<sup>58</sup>

Pendekatan toleransi beragama di Malaysia memerlukan penyesuaian langkah secara beransur-ansur yang membawa kepada pembentukan unsur kebersamaan dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah*. Islam mengekalkan hak sejagat dalam unsur kebersamaan dengan penolakan terhadap unsur-unsur yang merosakkan. Dalam hal ini, nilai-nilai positif yang terdapat dalam amalan toleransi beragama seperti perpaduan antara kaum, penyebaran agama Islam dalam kalangan masyarakat

<sup>58</sup> Ahmad Yumni Abu Bakar & Mohd Fairuz Jamaluddin (2014), *Menjawab Islam Liberal Pendedahan Jaringan Islam Liberal (JIL) & Sisters in Islam (SIS)*. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd, 27.



majmuk Malaysia dan penglibatan masyarakat bukan Islam dalam pembangunan dan pentadbiran negara sangat digalakkan oleh pihak pemerintah.

Justeru, amalan toleransi beragama yang menjurus kepada perlakuan negatif perlu dikawal dan dicegah oleh pemerintah seperti penyerapan idea-idea liberal yang menekankan konsep kebebasan keterlaluan seperti perjuangan persamaan wanita dengan lelaki. Selain itu, konflik agama yang timbul juga perlu dikawal dan dicegah oleh pemerintah antaranya seperti murtad, halangan perlaksanaan undang-undang syariah dan perbuatan penghinaan agama antara masyarakat. Selain itu, konflik mengenai penggunaan kalimah Allah boleh menyebabkan hilangnya keharmonian antara masyarakat pelbagai etnik dan agama dan mampu membawa kepada kerosakan yang lebih besar kepada masyarakat di negara ini.



Kesimpulannya, lima perkara teras *maqāṣid syarī‘ah* dalam *maṣlaḥah darūriyyah* merupakan asas dan syarat penting untuk mewujudkan amalan toleransi beragama dalam kalangan masyarakat Malaysia agar selaras dengan kerangka *maqāṣid syarī‘ah*. Justeru, kajian ini berdasarkan kepada perkara seperti dibahaskan di atas.





## 1.5 Objektif

Kajian ini dihasilkan adalah bagi mencapai objektif –objektif seperti berikut:

- 1) Menjelaskan konsep *maqāṣid syarī‘ah* menurut pandangan ulama Islam.
- 2) Menganalisis pendapat ulama fiqh serta ilmuwan Islam terkemuka zaman ini berkenaan konsep toleransi beragama menurut pandangan Islam dalam konteks *maqāṣid syarī‘ah*.
- 3) Menganalisis amalan toleransi beragama di Malaysia dalam konteks *maqāṣid syarī‘ah*.
- 4) Menganalisis kesan positif dan negatif amalan toleransi beragama di Malaysia dalam konsep *maqāṣid syarī‘ah*.



## 1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini ialah

1. Apakah konsep *maqāṣid syarī‘ah* menurut pandangan ulama Islam?
2. Apakah pendapat ulama fiqh serta ilmuwan Islam terkemuka zaman ini berkenaan konsep toleransi beragama menurut pandangan Islam terutamanya dalam konteks pemikiran *maqāṣid syarī‘ah*?
3. Bagaimanakah amalan toleransi beragama di Malaysia dalam konteks *maqāṣid syarī‘ah*?
4. Adakah kesan positif dan negatif amalan toleransi beragama di Malaysia menepati konsep *maqāṣid syarī‘ah*?



## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kerana penyelidik mendapati amalan toleransi beragama merupakan elemen penting dalam sistem kerukunan masyarakat sesebuah negara. Pendekatan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* dilihat sesuai dalam amalan toleransi di Malaysia, yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum dan agama. Antara kepentingan kajian ini ialah:

- 1) Merupakan pengkongsian bersama para penyelidik berkaitan amalan toleransi beragama menurut *maqāṣid syarī‘ah*.
- 2) Menjadi panduan bagi pelajar dalam bidang pengajian fiqh dan kemasyarakatan untuk mendapat informasi mengenai persoalan amalan toleransi beragama dan keselariannya dengan *maqāṣid syarī‘ah*.
- 3) Menawarkan penyelesaian dan sumbangan ilmiah berkenaan permasalahan pemikiran fiqh kontemporari khasnya amalan toleransi beragama daripada perspektif masyarakat majmuk di Malaysia menurut *maqāṣid syarī‘ah*.

## 1.8 Batasan Kajian

Fokus kajian ini ialah definisi amalan toleransi agama. Kajian ini juga secara khusus memfokuskan kepada perbincangan mengenai konsep toleransi beragama, dalil-dalil keharusan amalan toleransi beragama dan faktor-faktor keharusan toleransi beragama berdasarkan *dalil-dalil muktabar* dan pandangan ulama silam dan kontemporari.



Selain itu, penerangan mengenai konsep *maqāṣid syarī'ah* dalam kajian ini adalah berdasarkan makna dan kaedah yang digunakan oleh para ulama Islam terdahulu dan semasa dalam menangani pemikiran fiqh kontemporari. Kajian juga melihat kepada penjelasan mengenai *maqāṣid syarī'ah*, skop dan aplikasinya dan kaitannya dengan toleransi. Kajian ini menggunakan kerangka *maqāṣid syarī'ah* berdasarkan *maṣlahah darūriyyah*, *maṣlahah ḥajiyah* dan *maṣlahah taḥṣīniyyah* dalam semua skop perbincangannya yang tertumpu kepada konsep *darūriyyāh al-khams* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Kajian ini berfokuskan kepada kerangka *maqāṣid syarī'ah* kerana pendekatan ini adalah yang relevan dan berkesan dalam memandu kepada penyelesaian pelbagai isu semasa dan diguna pakai dalam konteks pemikiran fiqh kontemporari.



Di samping itu, kajian ini juga melihat kepada beberapa peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia sebagai undang-undang tertinggi negara yang berkaitan dengan amalan toleransi beragama. Walaupun prinsip *maqāṣid syarī'ah* tidak dinyatakan secara literal dalam Perlembagaan Persekutuan kerana Perlembagaan Persekutuan mempunyai falsafahnya yang tersendiri. Namun, dalam Perlembagaan Persekutuan terdapat fungsi yang sama dengan *maqāṣid syarī'ah* yang dipanggil semangat perlembagaan yang memberi isyarat jelas dalam mencari penyelesaian berkaitan permasalahan Perlembagaan Persekutuan yang berkaitan dengan kerangka *maqāṣid syarī'ah* melibatkan *maṣlahah darūriyyah*, *maṣlahah ḥajiyah* dan *maṣlahah taḥṣīniyyah* yang tertumpu kepada konsep *darūriyyāh al-khams* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta.





Kajian ini turut mengkaji berkaitan dasar-dasar tertentu yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia untuk menggalakkan semangat toleransi beragama dalam kalangan masyarakat majmuk sehingga tahun 2020. Dasar yang digubal oleh kerajaan Malaysia ini adalah bertujuan untuk menyatupadukan rakyat dalam kerangka membina negara Malaysia yang sejahtera sejajar dengan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* berdasarkan *darūriyyāh al-khams* iaitu pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta. Penetapan tempoh masa kajian sehingga tahun 2020 kerana pengkaji hanya melihat banyak dasar-dasar yang bersangkutan dengan toleransi beragama yang digubal sehingga tempoh tersebut kerana selepas tahun 2020, pemerintah Malaysia hanya melaksanakan pengukuhan kepada dasar-dasar yang sedia ada disebabkan ketidakmampuan pemerintah baru melaksanakan dasar baru berkaitan toleransi beragama kerana kerajaan yang dibentuk selepas itu bersifat kerajaan campuran yang

setiap parti mempunyai agenda yang pelbagai menyukarkan mereka bekerjasama dalam satu pasukan.

Seterusnya pengkaji mengkaji perkaitan amalan toleransi dalam sistem politik di Malaysia iaitu konsep politik *tahāluf siyāsī* dan *ta’awūn siyāsī* yang digunakan dalam kerjasama parti politik di Malaysia. Ini untuk melihat adakah bentuk kerjasama politik ini selari dengan kehendak *maqāṣid syarī‘ah*? Namun begitu, tumpuan kajian berkaitan amalan toleransi dalam sistem politik di Malaysia hanya setakat tahun 2020 disebabkan batasan masa kajian penulis perlu siapkan dalam bentuk penulisan tesis yang perlu rujukan luas sekiranya masa kajian dilanjutkan lagi.





Selain itu, kajian ini juga menumpukan kepada amalan sehari-hari masyarakat Malaysia yang jelas menyumbang kepada toleransi beragama iaitu dialog peradaban, rumah terbuka dan perkahwinan antara kaum berdasarkan kerangka *maqāṣid syarī‘ah* yang tertumpu kepada konsep *darūriyyāh al-khams* iaitu *maṣlahah darūriyyah* melibatkan pemeliharaan agama, nyawa, keturunan, akal dan harta kerana beberapa kekangan iaitu tiada kajian khusus berkaitan amalan toleransi beragama dalam konteks *maqāṣid syarī‘ah* dijalankan sebelum ini dan kekurangan bahan rujukan yang menjurus kepada persoalan *maqāṣid syarī‘ah* khasnya dalam persoalan fiqh semasa iaitu toleransi dan batasannya.

Lokasi kajian pula terbatas kepada sebuah negara sahaja iaitu Malaysia.

Negara ini dipilih kerana amalan toleransi rakyatnya dan perlaksanaan dasar-dasar kerajaan Malaysia yang berjaya menyatupadukan rakyatnya yang membuktikan Malaysia sebuah negara yang mengamalkan toleransi beragama dari segi perlembagaannya, dasar-dasar kerajaan yang mendokong toleransi beragama dan amalan sehari-hari masyarakat majmuknya selari dengan *maqāṣid syarī‘ah* yang dikaji oleh pengkaji.





## 1.9 Metodologi Kajian

### 1.9.1 Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Sumber data kualitatif adalah dalam bentuk bertulis, seperti buku, laporan, dokumen, surat khabar, buku harian, naskah, surat, catatan peribadi dan lain-lain. Data kualitatif ini disampaikan melalui penerangan, penyusunan, perbandingan, dan mencari hubungan antara fakta. Kekuatan data kualitatif terletak pada sumbernya.<sup>59</sup> Oleh kerana penyelidikan ini melibatkan konsep, makna, definisi, ciri dan doktrin, dipercayai bahawa kaedah ini sesuai dengan tujuan penyelidikan ini. Bogdon dan Taylor menyatakan bahawa jika kaedah penyelidikan lain digunakan, terdapat kemungkinan konsep atau intipatinya yang akan hilang.<sup>60</sup>



### 1.9.2 Prosedur Pengumpulan Data

Data untuk kajian ini diperoleh melalui kaedah, iaitu kajian perpustakaan dan laman sesawang, temu bual dan dokumentasi.

#### 1.9.2.1 Perpustakaan Dan Laman Sesawang

Penyelidikan perpustakaan memerlukan penyelidik untuk mengumpul dan memproses data. Melalui kajian ini, pengkaji telah membuat kajian literatur bagi mendapatkan

<sup>59</sup> Idris Awang (2009), *Penyelidikan Ilmiah: Amalan Dalam Pengajaran Islam*. Shah Alam: Kamil & Shakir Sdn Bhd, 26.

<sup>60</sup> Bogdon, Robert & Taylor, Steven Junior (1975), *Introduction to Qualitative Research Method. A Phenomenological Approach To The Social Sciences*. New York: John Wiley & Son, 97.





fakta dan mengenal pasti ayat-ayat al-Quran, tafsiran hadis, pandangan ulama, fakta sejarah dan sebagainya. Pengkaji dapat menerangkan secara terperinci konsep *maqāṣid syarī‘ah* daripada sudut pemahaman dan pandangan para sarjana Islam lampau dan kontemporari. Selain itu, kajian ini turut menyentuh pelbagai aspek yang relevan dengan topik kajian ini berdasarkan sumber yang diyakini sahih dan berfakta.

Kajian ini merujuk beberapa perpustakaan termasuklah Perpustakaan Tuanku Bainun (UPSI), Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM), Perpustakaan Universiti Malaya (UM), Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Awam Perak (Cawangan Taiping) dan lain-lain.



Selain itu, pengkaji mendapatkan data berkaitan amalan toleransi beragama di Malaysia menerusi informasi pelbagai laman sesawang terkini dan terkini banyak terdapat laman sesawang berbanding sumber perpustakaan terutamanya buku dan majalah. Sumber laman sesawang penting untuk memantapkan lagi penjelasan pengkaji dalam kajian ini.



### 1.9.2.2 Temu Bual

Penyelidikan kualitatif sangat bergantung kepada temu bual, terutama untuk mengumpulkan maklumat secara terbuka.<sup>61</sup> Menurut Ahmad Sunawari Long, maklumat temu bual diperoleh melalui rakaman audio, mengisi soal selidik atau mencatat nota.<sup>62</sup> Penyelidik mendapatkan maklumat daripada pemimpin masyarakat dan badan bukan kerajaan (NGO) melalui temu bual untuk menambahkan data dan fakta diperoleh pada sebarang bahan bercetak. Pimpinan masyarakat, ahli akademik dan NGO yang ditemu bual ialah Puan Khairiyyah Mohammad (Mantan, Senator PAS Kelantan), En Hasnul Zulkarnain Abdul Munaim, (Mantan Exco Multimedia dan Penerangan Perak, dan Wakil Rakyat DUN Bebas kawasan Titi Serong), Dr Syaryanti Hussin (Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah Undang-undang, USIM), Pengurus Hidayah Centre Wilayah Utara dan YDPA IKRAM (Taiping). Di samping itu, temu bual secara rawak dilakukan dalam kalangan orang bukan Islam iaitu Encik Ramesh a/l Rajasivam dan Puan Kwok See Fong. Selain itu, Cik Emile Owens, seorang warganegara Amerika Syarikat, ditemu bual untuk mendapatkan pandangan mengenai amalan toleransi beragama di Malaysia.

Format temu bual yang dijalankan ialah temu bual separa berstruktur.<sup>63</sup> Ini kerana, melalui temu bual ini, pengkaji dapat menentukan persoalan yang akan diajukan

<sup>61</sup> Othman Lebar (2006), *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metode*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, 125.

<sup>62</sup> Ahmad Sunawari Long (2014), *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi:Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 78.

<sup>63</sup> Temu bual berstruktur menggabungkan ciri-ciri fleksibiliti temu bual terbuka atau tidak berstruktur dengan ciri-ciri mengarah dan seragam temu bual berstruktur. *Op.cit.*, Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif*, 128.

terlebih dahulu. Bentuk jawapannya terbuka dan dapat ditentukan oleh pengkaji dan penemubual. Seterusnya temu bual ini dapat menjawab persoalan berkaitan dengan kajian penulis. Temu bual ini penting dalam memberikan maklumat kepada pengkaji dalam kajian ini. Melalui temu bual ini, pengkaji dapat menganalisis sesuatu maklumat yang dikaji dengan berkesan dan mantap dalam menjelaskan fakta kajian.

### 1.9.2.3 Dokumentasi

Dokumentasi merujuk kepada pengumpulan data menggunakan dokumen yang berkaitan dengan topik penyelidikan. Dokumen ialah bahan bertulis yang memberikan pelbagai maklumat dan penjelasan untuk penyelidikan.<sup>64</sup> Bahan sumber termasuk majalah, disertasi, tesis, surat khabar, kertas kerja, buku, fatwa, monograf, dan lain-lain dalam bentuk dokumen. Mencari bahan yang berkaitan dengan persoalan dan tujuan penyelidikan adalah prosedur sistematik yang dikembangkan daripada topik kajian.<sup>65</sup> Teknik dokumentasi ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menambah, membandingkan dan meningkatkan data kajian.<sup>66</sup> Dalam kajian ini, prosedur dokumentasi dilakukan oleh pengkaji dengan mengumpulkan dokumen dari sumber yang berwibawa.

<sup>64</sup> Imam Barnabid (1982), *Arti dan Metode Sejarah Penyelidikan*. Yogjakarta: Yayasan FIB-IKH, 52.

<sup>65</sup> Op.cit., Othman Lebar, *Penyelidikan Kualitatif*, 151.

<sup>66</sup> Rozmi Ismail (2015), *Metodologi Penyelidikan Teori dan Praktis*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Holding Sdn Bhd, 119.

### 1.9.3 Prosedur Analisis Data

Setelah mengumpulkan maklumat berkenaan, pengkaji melakukan analisis data. Proses ini dijalankan dengan menggunakan tiga prosedur, iaitu kaedah deduktif, kaedah induktif dan kaedah perbandingan. Berikut merupakan penerangan tentang kaedah tersebut.

#### 1.9.3.1 Kaedah Deduktif

Kaedah ini menerangkan cara menganalisis data berdasarkan pola pemikiran, iaitu mengambil data umum untuk mencari kesimpulan mengenai cadangan yang lebih terperinci.<sup>67</sup> Menerusi pendekatan ini, penyelidik menggunakan teori sebagai kerangka penyelidikan. Dalil-dalil umum daripada al-Quran dan Hadis akan diperincikan dan dibahaskan dalam perbahasan ilmiah dan hukum berdasarkan konsep *maqāṣid syarī‘ah*, seperti penghuraian berkenaan *maqāṣid syarī‘ah* dan pembahagian *maqāṣid syarī‘ah* menurut pandangan para ulama.

#### 1.9.3.2 Kaedah Induktif

Kaedah induktif didasarkan pada cara berfikir yang bermula dengan memperoleh data yang bersifat khusus untuk merumuskan kesimpulan yang bersifat umum. Dalam pendekatan induktif, proses memahami masalah penyelidikan atau mencari jalan

<sup>67</sup> Op.cit., Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, 101; Rahimin Affandi Abdul Rahim (2002), Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam Terkini, *Jurnal Syariah*, 10( 1), 1-24.



penyelesaian berlaku secara generatif atau berterusan apabila maklumat dikumpulkan dan terus dikumpulkan sehingga masalah itu diperjelas atau penyelesaiannya dirumuskan.<sup>68</sup> Kaedah induktif juga bermaksud mengutip kesimpulan hukum umum yang berasal daripada fakta tertentu, terutama masalah yang teksnya tidak dinyatakan dalam Al-Quran dan Sunnah.<sup>69</sup>

Sebagai contoh, pengkaji menggunakan kaedah ini untuk membuat kesimpulan mengenai konsep amalan toleransi agama di Malaysia daripada data yang diperoleh dari wawancara sumber terbuka dan dokumentasi. Kaedah ini juga digunakan untuk menjelaskan kesan positif atau negatif toleransi dalam kerangka *maqāṣid syarī'ah*.



### 1.9.3.3 Kaedah Perbandingan

Kaedah perbandingan adalah cara membuat kesimpulan dengan membandingkan data yang diperoleh. Perbandingan memberi tumpuan kepada perbezaan atau persamaan yang ada dalam proses analisis termasuk membandingkan sumber data untuk menentukan sumber yang relevan, membandingkan dan membuktikan fakta yang tulen, membandingkan kaedah untuk mencari kaedah yang paling tepat, membandingkan teori untuk menentukan teori yang paling tepat, dan membandingkan pendapat untuk mencari pendapat yang paling berdasar.<sup>70</sup>

<sup>68</sup> *Ibid*, Idris Awang, *Penyelidikan Ilmiah*, 101.

<sup>69</sup> *Op.cit*, Rahimin Affandi Abdul Rahim, Ke Arah Penyediaan Kaedah Penyelidikan Hukum Islam, 10(1), 1-24.

<sup>70</sup> *Ibid*.





Sebagai contoh, penyelidik membandingkan pandangan ulama berhubung konsep *maqāṣid syarī‘ah* dan toleransi beragama sebelum membuat penilaian berkaitan amalan toleransi beragama yang diamalkan di Malaysia agar selaras dengan *maqāṣid syarī‘ah*. Pengkaji juga membandingkan data berkaitan amalan toleransi beragama daripada pelbagai sumber sahih dan kemudiannya membandingkan data yang diperolehi dalam menghuraikan amalan toleransi dalam kerangka *maqāṣid syarī‘ah* di Malaysia.

## 1.10 Rumusan

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kajian ini penting untuk memahami amalan

toleransi beragama masyarakat dan kerajaan Malaysia berdasarkan *maqāṣid syarī‘ah*.

Ini kerana adalah perlu untuk menilai, mengkaji dan menjelaskan amalan toleransi beragama berdasarkan *maqāṣid syarī‘ah* melalui kajian akademik yang menyeluruh agar menjadi panduan untuk mengekalkan keamanan dan perpaduan masyarakat Malaysia.

